

28/09/1998

Anwar cuba selindungi kelemahan

Ashraf Abdullah

SEJAK beberapa minggu ini, dah berulang-kali kita mendengar perkataan 'reformasi' digunakan di mana-mana saja. Reformasi yang bermakna 'perubahan ke atas sesuatu yang sedia ada', sebenarnya ialah perkataan yang dipinjam dari perkataan Bahasa Inggeris - reformation.

Perkataan ini tidak banyak digunakan dalam tugas harian kerana orang ramai lebih berminat untuk menggunakan perkataan lain yang lebih mudah. Tetapi sejak akhir-akhir ini kita sering mendengar perkataan ini dilaungkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokongnya.

Anwar dipecat daripada semua jawatan kerajaannya pada 2 September lalu dan disingkirkan daripada Umno sehari kemudian. Beliau sekarang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Penyokong Anwar nampaknya amat tertarik dengan perkataan ini, walaupun ada yang mengaku tidak faham maknanya yang sebenar. Persoalannya ialah apakah reformasi yang dituntut oleh pengikut Anwar ini?

Apabila hal ini dikemukakan kepada beberapa orang yang berdemonstrasi di hadapan mahkamah majisteret Isnin lalu, terbukti mereka tidak mempunyai jawapan yang sama.

Ada yang menjawab reformasi yang dituntut ialah perletakan jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota Kabinetnya, sama ada dibuat secara sukarela atau dipaksa berbuat demikian.

Mereka mahukan kerajaan yang baru. Mereka mengatakan sanggup berdemonstrasi dan melakukan apa saja termasuk merusuh supaya perjuangan mereka untuk menjatuhkan kerajaan berhasil.

Tetapi apa yang menghairankan ialah sementara mereka begitu bersemangat melaungkan reformasi, mereka juga melaungkan demokrasi.

Apakah menggulingkan kerajaan sedia ada atau memaksa peletakan jawatan pemimpin yang dipilih oleh rakyat menerusi proses demokrasi, sebahagian daripada perkara yang dituntut oleh prinsip demokrasi?

Apakah mungkin kerajaan yang dipilih secara demokrasi oleh berjuta-juta rakyat, boleh dijatuhkan oleh beberapa ribu orang yang berdemonstrasi?

Demonstrasi dan rusuhan ala-Indonesia tak mungkin berjaya di Malaysia. Di Indonesia, keadaannya terlalu berbeza. Dalam masa dua bulan saja selepas rupiah diserang oleh penyangak mata wang antarabangsa, kehidupan berjuta-juta rakyat jatuh di bawah taraf kemiskinan.

Akibatnya, ramai rakyat negara Islam terbesar itu kebuluran dan terpaksa lari ke negara jiran untuk mencari rezeki. Mereka yang terpaksa tinggal di Indonesia, merusuh dan memberontak kerana jurang yang amat besar dalam agihan pendapatan negara. Dan, jelas projek raksasa diberikan kepada kaum keluarga atau rakan pemimpin tertentu.

Senario, di Malaysia tidak sama. Walaupun negara kita juga menjadi mangsa kepada penyangak mata wang, rakyat Malaysia lebih mewah. Makanan siap terhidang di bawah tudung saji, pekerjaan masih banyak dan rezeki ada di mana saja bagi mereka yang rajin.

Kalau Anwar dan penyokong, yang kononnya berpegang kepada amalan demokrasi inginkan reformasi, mereka sepatutnya bersabar untuk berbuat demikian secara demokrasi. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, pilihan raya umum diadakan setiap lima tahun, atau sebelumnya.

Kalau Anwar dan penyokongnya benar-benar yakin mereka boleh mendapat sokongan orang ramai dalam melakukan reformasi dan membawa perubahan yang

riuh diperkatakan, mereka bebas membentuk sebuah parti atau masuk parti politik yang ada dan bertanding dalam pilihan raya.

Jadi apakah reformasi yang dituntut oleh Anwar itu? Atau apakah beliau sengaja menjadikan reformasi asas kepada ucapan berapi-apinya untuk mengalihkan pandangan orang ramai daripada kes perbuatan sumbang yang bakal dihadapinya di mahkamah nanti?

Isu kelakuan sumbang, termasuk dakwaan yang beliau terbabit dalam kegiatan homoseks dibelakangkan. Ucapan-ucapan yang berapi-api ala Sukarno tidak menyentuh dakwaan yang dihadapinya.

Sebaliknya beliau membakar hati penyokongnya sehingga tercetus beberapa kejadian yang menyalahi undang-undang seperti rusuhan yang berlaku Ahad lalu.

Dan sehari selepas itu, penyokong Anwar berdemonstrasi di hadapan mahkamah majistret. Ini menyukarkan pihak polis untuk mendakwa Anwar di mahkamah dan memaksa mereka menahannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Inilah sebenarnya taktik kotor yang digunakan oleh penyokong Anwar untuk melarang pihak polis mendakwa beliau dalam mahkamah terbuka.

Selalunya orang yang tidak melakukan kesalahan ingin cepat ke mahkamah untuk membuktikan kebenaran.

Mungkinkah Anwar dan penyokongnya risau perkara mungkar yang dilakukan beliau akan terbukti di mahkamah kelak?

Penyokong Anwar nampaknya begitu taksud dengan pemimpin mereka. Mereka langsung tidak menggunakan akal fikiran untuk mengkaji fakta yang ada.

Mereka seperti dirasuk dengan ucapan Anwar yang penuh bersemangat dan lupa untuk mempersoalkan beberapa perkara yang memerlukan jawapan bernas.

Umpamanya, Anwar tidak pernah menjelaskan sepenuhnya hubungan beliau dengan Datuk S Nallakaruppan, Pengarah Eksekutif Magnum Corporation.

Sebagaimana pernah ditimbulkan, Magnum menjalankan kegiatan perjudian. Apakah perlu beliau, sebagai seorang tokoh agama yang disegani, bermain tenis dengan seorang taukeh judi? Dan mengapa pula Nallakaruppan dibawanya bersama setiap kali Anwar mengetuai rombongan ke luar negara? Apakah Anwar ingin kegiatan judi Magnum disebarikan ke merata dunia?

Setiap kali beliau mengadakan sidang akhbar yang dihadiri ramai wartawan asing, beliau berkata, tuduhan yang dilemparkan ke atasnya adalah satu konspirasi politik.

Konspirasi politik siapa? Apakah mungkin beratus-ratus pegawai dan anggota polis, pegawai Jabatan Peguam Negara dan lain lain boleh terbabit dalam konspirasi sebegini?

Apakah mungkin semua pegawai ini menyimpan rahsia konspirasi ini tanpa 'pecah tembelang'?

Kenyataan Tun Hanif Omar, bekas Ketua Polis Negara patut diberikan pertimbangan sewajarnya oleh penyokong-penyokong Anwar.

Hanif berkata kepada pemberita pada Rabu lalu, ketika beliau mengetuai pasukan polis negara, pegawai-pegawainya mempunyai bukti kukuh bahawa Anwar terbabit dalam kegiatan homoseks.

Bagaimanapun, apabila dilaporkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau tidak mempercayainya.

Apakah Hanif, yang sudah lima tahun bersara daripada perkhidmatan dan bukan seorang ahli politik, juga terbabit dalam satu konspirasi untuk menjatuhkan Anwar?

Anwar juga mempersoalkan kebebasan sistem kehakiman dengan mendakwa sistem itu juga terbabit dalam konspirasi.

Beliau membuat dakwaan yang terlalu serius. Dalam pita video yang dirakamkan oleh beliau dan diserahkan kepada CNBC Singapura, beliau berkata, adik angkatnya, Sukma Dermawan dan Dr Munawar Anees yang mengaku diliwat oleh Anwar, dipaksa membuat pengakuan.

Tetapi, bukankah mahkamah yang di bawah sistem kehakiman sama ini telah membenarkan permohonan beliau untuk mendapatkan injunksi terhadap penjualan, penerbitan dan pengedaran buku 50 Dalil: Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM?

Dalam rakaman pita video yang disiarkan oleh CNBC Khamis lalu, beliau juga mendakwa banyak projek besar termasuk pembinaan lapangan terbang KLIA di Sepang diberikan kepada kroni Dr Mahathir.

Anehnya, beliau sendiri mempengerusikan jawatankuasa Kabinet bagi mengendalikan hal-hal bersangkutan dengan pembinaan KLIA, termasuk melantik kontraktornya.

Beliau terbabit dengan semua keputusan mengenai pembinaan KLIA.

Yang langsung tidak masuk akal ialah dakwaannya bahawa Dr Mahathir ingin menjatuhkannya. Apa perlunya Dr Mahathir menjatuhkannya memandangkan Dr Mahathirlah yang memupuk dan mendidiknya hingga menjadi bakal penggantinya?

Sebagai orang yang bertanggungjawab mendidik Anwar dan menaikkan pangkatnya setiap kali rombakan kabinet dibuat, Dr Mahathir, yang dikenali dunia sebagai seorang pemimpin berpandangan jauh, sudah tentu awal lagi menyedari bahawa Anwar boleh menggugat kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Kalau benar Dr Mahathir risau Anwar akan mejatuhkannya, kenapa tidak digugurkan dari dulu lagi? Pelantikan dan pelucutan jawatan seseorang anggota Kabinet adalah kuasa Perdana Menteri.

Penyokong Anwar perlu sedar bahawa setiap manusia mempunyai kelemahan. Kelemahan ini kalau tidak diatasi boleh menjatuhkan seseorang itu. Inilah yang dihadapi Anwar kini.

(END)